



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
MAJLIS PELANCARAN
JELAJAH AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS),
SAMBUTAN HARI DENGGI ASEAN DAN GOTONG-ROYONG
MEGA 1.0 PERANGI AEDES PERINGKAT KEBANGSAAN
TARIKH: 5 JUN 2022 (AHAD), MASA: 11.40 PAGI
DI DATARAN PAHLAWAN, BANDAR HILIR
MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis.

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kehendak-Nya jua, maka pada hari ini, kita dapat bersama-sama berkumpul pada majlis yang cukup bermakna ini iaitu **Majlis Pelancaran Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), Sambutan Hari Denggi ASEAN dan**

Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes Peringkat Kebangsaan.

2. Pada pagi ini, bagi mengalu-alukan tetamu-tetamu jemputan dan semua tetamu yang hadir ke majlis ini terutamanya **YB Khairi Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia**, saya ingin menyambut kedatangan anda semua ke Negeri Melaka yang sememangnya menggamit dunia, dengan serangkap pantun “**Selamat Datang**”.

***Bunga Kesidang bertangkai lembut,
Dekat telaga di pohon sagu,
Tamu datang kita menyambut,
Rakyat Melaka ramah menunggu.***

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

3. Pertamanya, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia** yang sudi hadir untuk bersama-sama merasmikan program ini. Terima

kasih juga kerana telah memilih Melaka sebagai negeri pertama melaksanakan siri Jelajah ANMS ini.

4. Tentunya, saya juga merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada jawatankuasa induk penganjur iaitu Jabatan Kesihatan Negeri Melaka di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan majlis yang cukup bermakna ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua agensi kerajaan lain yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menganjurkan majlis ini dengan jayanya. Kepada pihak RTM, saya difahamkan RTM bertindak sebagai media penyiar rasmi Jelajah Agenda Nasional

Malaysia Sihat ini. Terima kasih atas kolaborasi ini bagi menyebarkan dan menyampaikan aspirasi Agenda Nasional Malaysia Sihat. Semoga program pada hari ini dapat memberi manfaat dan impak yang positif khususnya kepada rakyat Negeri Melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

5. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kita sedang berada dalam Fasa Peralihan Pandemik COVID-19. Banyak Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dilonggarkan dan rakyat kita telah mula dapat menikmati kehidupan seperti dahulu. Sungguhpun

begitu masih ada lagi SOP yang dikekalkan seperti pemakaian topeng muka (*face mask*) dalam tempat tertutup atau bangunan. Justeru, saya menyeru kepada semua penduduk Negeri Melaka khususnya, patuhilah SOP yang ditetapkan untuk kita terus mengelakkan daripada jangkitan COVID-19 ini lebih-lebih lagi pada musim cuti persekolahan yang baru bermula pada minggu ini. Saya yakin, Melaka akan mula sesak dan pusat-pusat pelancongan pula akan dibanjiri dengan kedatangan pelancong.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Sesungguhnya, saya menyokong penuh agenda Nasional Malaysia Sihat yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini. Saya juga menyeru, agar semua agensi kerajaan sama ada persekutuan dan negeri, agensi swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan seluruh penduduk Negeri Melaka agar menyokong program ANMS ini.

7. Apatah lagi, kita tahu bahawa matlamat atau objektif ANMS ini adalah untuk menjadikan rakyat Malaysia sentiasa sihat sejahtera dengan mengamalkan cara hidup yang sihat seperti melakukan aktiviti fizikal dengan beriadah, makan secara sihat dan seimbang,

bijak tangani stress, tidak merokok dan menjaga kebersihan persekitaran. Kita bukan hanya mahu sihat dari segi fizikal tetapi juga sihat dan sejahtera dari segi mental.

8. Demi menyokong aspirasi ini, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk menyediakan prasarana atau kemudahan tempat-tempat rekreasi yang menarik dan selesa kepada rakyat seperti Taman Botanikal di Ayer Keroh dan juga memperkasakan kawasan larangan merokok. Untuk pengetahuan YB Menteri dan hadirin sekalian, kawasan *Jonker Street* dan Jalan Kota ini telah diwartakan sebagai **Zon**

Eksklusif Bebas Asap Rokok, sekali gus dapat memberi keselesaan kepada orang ramai terutamanya kepada kanak-kanak agar tidak terhidu asap rokok.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Selain daripada Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat ini, saya difahamkan pagi tadi telah berlangsungnya **Majlis Sambutan Gotong-Royong Mega 1.0 Peringkat Kebangsaan Tahun 2022** bagi mengindah dan membersihkan kawasan tertentu di

Negeri Melaka bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes yang berbahaya kepada masyarakat.

10. Program ini dilaksanakan bagi memberi perhatian dan kesedaran yang serius kepada masalah denggi di negara kita. Dalam hal ini saya melihat dua aspek yang perlu kita beri perhatian. **Pertama, masalah kesedaran tentang penyakit denggi;** dan **kedua, aspek tingkah laku kita terhadap denggi, terutamanya untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.** Dua aspek ini perlu diberi perhatian serius kerana ia saling berkait di antara satu sama lain. Saya

dimaklumkan, lokaliti Kampung Lapan Tengkerah telah terpilih sebagai lokasi gotong-royong peringkat kebangsaan ini.

11. Saya juga diberitahu bahawa gotong-royong ini dijalankan serentak di seluruh negara. Bagi saya, majlis gotong-royong ini hanya sebagai satu simbolik sahaja. Yang paling penting, seluruh masyarakat haruslah bergotong-royong untuk menghapuskan tempat pembiakan Aedes setiap minggu.

12. Syukur Alhamdulillah, kes demam denggi di Melaka pada tahun ini menunjukkan penurunan berbanding tahun lepas. Saya berharap agar pola penurunan kes ini akan terus kekal di masa-masa akan datang. Untuk makluman semua, di Melaka, kita mempunyai kempen **“1 Jam Setiap Sabtu”, cari dan musnahkan tempat pembiakan Aedes** di kawasan rumah bersama keluarga. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menyahut kempen ini dan berusaha menghapuskan kawasan-kawasan pembiakan Aedes. Lebih-lebih lagi, Melaka merupakan sebuah negeri pelancongan yang sejahtera. Kita tidak mahu

disebabkan kes denggi ini menjadi punca pelancong tidak mahu datang ke Melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Program **Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), Sambutan Hari Denggi ASEAN dan Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes Peringkat Kebangsaan** ini diharap akan menjadi salah satu inisiatif utama oleh semua pihak dalam meningkatkan lagi kesedaran dan penyertaan semua golongan masyarakat untuk mewujudkan suatu persekitaran yang bersih dan sihat, khususnya

persekitaran yang bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes yang boleh menyebarkan penyakit demam denggi dan Chikungunya.

14. Akhirul kalam, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah memilih Negeri Melaka sebagai lokasi pertama siri Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat ini. Terima kasih juga diucapkan kepada YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia yang sudi hadir bersama pada hari ini. Tidak lupa juga kepada wakil jabatan-

jabatan dari peringkat persekutuan dan negeri serta agensi swasta dan NGO.

15. Dengan lafaz kalimah suci Bismilahirahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), Sambutan Hari Denggi ASEAN dan Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes Peringkat Kebangsaan** ini.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.